

JENERAL DOUGLAS MACARTHUR


Nama Jeneral MacArthur

sebenarnya telah terdengar dengan rancaknya dalam Perang Dunia yang Kedua terutamanya di dalam peperangan di Philipine sehingga membawa kepada peperangan di Korea yang ada berlaku sekarang ini di dalam mana ia telah dilantik sebagai panglima agung bagi angkatan tentera pihak Bangsa-bangsa Bersatu di dalam peperangan di Korea itu.



Jeneral ini diperanakan pada 26 Januari 1880 di Brick Little Rock, di Arkansas, Amerika. Ia sekarang berumur 70 tahun, anak kepada Leftenan Jeneral Arthur MacArthur. Ia telah berkelulusan di dalam sekolah tinggi tentera di West Point di New York pada tahun 1903 iaitu tatkala ia berumur 23 tahun. Sesudah lulus itu maka ia memegang jawatan pegawai tentera dalam bahagian jurutera. Ia telah pernah tercedera di dalam perjuangan pada peperangan dunia yang kedua. Di dalam peperangan itu ia telah dinaikkan pangkat daripada Mejar menjawat pangkat sementara sebagai Brigade Jeneral.

Pada bulan Januari 1925 dalam masa umurnya 45 tahun ia telah dilantik menjadi Mejar Jeneral yang menjadikannya ialah sahaja yang berumur muda itu menjawat jawatan



Askar Amerika yang tercedera dalam perjuangan di Korea

yang tersebut di dalam angkatan darat Amerika. Di dalam tahun 1922-25 ia berada di Philipine dan kemudiannya menjadi pemerintah agung tentera itu pada tahun 1928 dan menjadi ketua jemaah perang Amerika (Chief of Staff). Pada 21 November 1930 ia telah diangkat menjawat jawatan penuh Jeneral. Dalam lima tahun sesudah itu ia telah mengatur angkatan-angkatan berjentera Amerika serta meluaskan angkatan-angkatan yang serta angkatan-angkatan pertahanan.

Dalam bulan Oktober 1935 dengan permintaan Presiden bagi Philipine ia telah meletakkan jawatannya di dalam angkatan perang Amerika lalu menjadi penasihat tentera tetapi pada bulan Jun 1936 ia menjadi ketua tentera Amerika di Philipine. Setelah bersara pada angkatan darat Amerika pada tahun 1937 maka ia menyambung semula perkhidmatannya di dalam angkatan perang Philipine sebagai Ketua Agung Tentera dan Konstabel.

Pada bulan Julai 1941 iaitu di dalam masa keadaan perang di Eropah telah berlaku dengan hebatnya ia telah dipanggil semula memegang jawatan tentera biasa dengan pangkatnya sebagai Leftenan Jeneral dan diberi kuasa menjadi pemerintah agung tentera Amerika dan Filipino di pulau Philipines.

Pada 19 Disember 1941 iaitu sesudah sepuluh hari Jepun menyerang Pearl Harbour, ia telah dilantik menjadi Jeneral



Jeneral Douglas MacArthur di hadapan sebuah kapal terbang yang bernama Batan sedang melawat medan peperangan Korea dengan kapal terbang itu juga dahulu ia datang dari Philipine ke Jepun.

-----*-----*

semula. Di dalam perjuangan-perjuangan di Luzon maka ia telah terpaksa bertahan daripada serangan-serangan Jepun yang lebih kuat dan lebih banyak tentera daripadanya dan akhirnya ia bersama-sama dengan 47,000 orang askarnya yang bercampur itu undur ke Batan. Dengan tidak ada bantuan dan dengan tidak menerima sokongan daripada udara maka dengan kekurangan-kekurangan yang tersebut ia bersama-sama dengan tenteranya telah dapat bertahan di sana selama sebulan lamanya. Pada 11 Mac 1942 dengan perintah Presiden Rossevelt ia terbang meninggalkan Batan dan kemudiannya diisytiharkan pada 19 1942 ia telah dilantik menjadi pemerintah agung pihak Berikat di barat daya Pasifik yang berpejabat besar di Australia.

Penghujung bulan September 1942 askar-askar Amerika dan Australia yang terletak dibawah pemerintahannya telah melakukan serang balas ke atas Jepun dengan naik Pulau New Guinea. Di dalam perjuangan

ini ia sendiri pergi bersama-sama di dalam perjuangan tentera naik ke darat pulau itu. Demikian juga apabila tenteranya turun di pulau Lost Negros di pulau-pulau Admiralty pada bulan Februari 1944, di Marunai (Maluku) pada 9 September 1944, di pulau Lini 20 Oktober 1944 dan di pulau Luzon pada 9 Januari 1945; di Labuan 10 Jun 1945 dan di Balikpapan 1 Julai 1945.

Pada 4 Ogos 1945 ia telah dilantik menjadi Panglima Agung tentera Amerika di Pasifik dan setelah Jepun menyerah diri ia dilantik menjadi Pemerintah Agung Tentera Pihak Berikat di Jepun. Ia telah sampai di ibu pejabatnya di Yokohama pada 30 Ogos 1945. Ia telah menandatangani surat penyerahan Jepun bagi Pihak Berikat pada 2 September 1945 di atas kapal perang menyusuri di Teluk Tokyo.

Kemudian pemerintah negeri Jepun dipegangnya dengan setengah-setengah orang memandangnya sebagai pemerintahan diktator tatkala



Askar-askar Amerika yang sedang mara di dalam medan perjuangan di Korea. – Gambar USIS

ia mengubah undang-undang dasar dan perlembagaan Jepun yang bersifat Fasis itu dengan perubahan-perubahan secara demokrasi.

Setelah berbangkit serangan-serangan dan perjuangan di Korea maka ia telah diserahkan mengetuai angkatan itu dan kemudiannya ia telah diangkat sebagai pemerintah angkatan bangsa-bangsa kerana Majlis Bangsa-bangsa memandang bahawa perjuangan Korea itu ialah suatu kecerobohan yang mesti dilawan dengan senjata.

Di dalam mentadbirkan perjuangan ini, sekali lagi ia telah menghairankan dunia kerana mula-mulanya ia membawa askar-askarnya undur dan bertahun di selatan daripada rempuhan-rempuhan yang hebat daripada serangan Korea Utara sehingga Korea Utara terpaksa menumpuk segala tenaganya dan usahanya untuk menghalau tentera Bangsa-bangsa itu tetapi rupanya MacArthur di sana sekadar bertahan sahaja untuk mengumpulkan segala tenaga dan usaha musuh-musuhnya di sana dan apabila terkumpul maka ia pun menurunkan tenteranya di Teluk yang berhampiran dengan Bandar Seoul (Ibu negeri Korea Selatan yang telah dirampas oleh Korea Utara). Dengan jatuhnya bandar Seoul semula ke tangan MacArthur maka tentera-tentera Korea Utara akhirnya terkepung dan dengan itu maka dengan sendirinya Korea Selatan telah terlepas daripada tangan Korea Utara.

Jeneral MacArthur yang tua yang berumur 70 tahun itu nampaknya masih kuat dan gagah jua lagi seperti seorang Jeneral yang berumur di dalam 50 atau 60 tahun jua.

-----*-----*-----

KORBAN PERANG DI KOREA

Tentera Amerika yang berjuang dan berperang di Korea yang telah tercedera berjumlah sebanyak 20,756. Daripada ini termasuk 4,143 orang yang dinyatakan telah hilang dalam perjuangan dan 13,953 yang tercedera yang daripada bilangan yang akhir ini 294 orang kemudiannya telah mati - Sekianlah surat kenyataan Reuters dari Washington pada 6.10.50.

-----*-----*-----

YAAKUB MALIK

-----*-----*-----

Yaakub Malik ialah wakil Russia di Perhimpunan Bangsa-bangsa Bersatu. Walaupun namanya seakan-akan nama seorang Muslim tetapi yang sebenarnya dia bukan Islam.

Bersalah-salahan orang tentang bangsanya. Sehingga mengatakan dia orang "Bukhara" dan setengahnya mengatakan anak Russian jati.

Tetapi perkara yang tidak ada syak lagi bahawa Malik ialah seorang Komunis dan telah menganut fahaman itu semenjak pihak pemberontak Komunis telah menawan tanah airnya "Kharkub" tatkala dia berumur sebelas tahun.

Malik telah besar panjang dengan tidak terikat lagi kepada adat istiadat Rusia tua malahan dia tidak beriman kepada sesuatu benda pun selain daripada "Stalin!"

Dia telah telah menuntut di Sekolah Tinggi "Kharkub" dan sudah tentu pula di sini dia telah mempelajari dasar-dasar Komunis dengan semasak-masaknya. Setelah dia menunjukkan kemahirannya di dalam segi ini maka Malik telah dihantarkan menuntut di Kolej "Hal Ehwal Luar Negeri" yang terletak di dalam kawasan sekolah tinggi Moscow.

Dari sana dia telah dihantarkan ke Tokyo sebagai penasihat kepada Pejabat Duta Rusia iaitu dari 1939 hingga 1945. Sudah itu ia telah dinaikkan pangkatnya menjadi Duta Rusia.

Semasa itu iaitu sebelum terjadi peperangan di antara Russia dengan Germany maka Malik telah bekerja keras mengumpulkan getah dari Tenggara Asia dan menghantarkannya melalui jalan keretapi Siberia, pembelian yang tersebut ialah untuk Germany di dalam masa itu juga Malik telah menghabiskan segala daya upayanya sebagai penghalang supaya Jepun tidak mengisytiharkan perang ke atas Rusia. Tetapi kewajipannya ini